

SOALAN NO: 177

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB DATUK RAIME BIN UNGGI

SOALAN:

**Datuk Raime Bin Unggi [ Tenom ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah peruntukan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bagi pembayaran pampasan dan faedah kepada penjarum dan waris pada tahun 2014, 2015, 2016 dan tiga bulan pertama 2017.

PR-1351-T00191

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang Di Pertua,

Pada tahun 2014, jumlah pekerja aktif yang mencarum kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) adalah seramai enam juta dua ratus ribu (6.20 juta) pekerja dan bilangan terkumpul penerima faedah adalah seramai lima ratus tujuh puluh ribu, dua ratus enam puluh lima (570,265) penerima dengan jumlah keseluruhan bayaran faedah sebanyak Ringgit Malaysia: dua ribu, empat ratus enam puluh lapan persepuluh kosong tujuh juta (RM2,468.07 juta). Bagi tahun 2015, bilangan pekerja aktif yang mencarum adalah seramai enam juta, tiga ratus lima puluh ribu (6.35 juta) pekerja dan bilangan terkumpul penerima faedah adalah seramai lima ratus tiga belas ribu, tiga ratus dua puluh tiga (513,323) penerima dengan jumlah keseluruhan bayaran faedah sebanyak Ringgit Malaysia: dua ribu, enam ratus enam puluh lima persepuluh enam belas juta (RM2,665.16 juta). Manakala bagi tahun 2016 pula, jumlah bilangan pekerja aktif yang mencarum adalah seramai enam juta, empat ratus sembilan puluh ribu (6.49 juta) pekerja dan bilangan terkumpul penerima faedah adalah seramai lima ratus dua puluh tujuh ribu, tiga ratus empat puluh tiga (527,343) penerima dengan jumlah keseluruhan bayaran faedah sebanyak Ringgit Malaysia : dua ribu, sembilan ratus empat puluh lapan persepuluh enam puluh empat juta (RM2,948.64juta).

**JADUAL 1 : BILANGAN PEKERJA AKTIF, BILANGAN PENERIMA  
FAEDAH DAN PERBELANJAAN FAEDAH TAHUN 2014 –  
2016<sup>P</sup>**

<b>Bil.</b>	<b>Butiran</b>	<b>2014</b>	<b>2015</b>	<b>2016<sup>P</sup></b>
1.	Bilangan Pekerja Aktif (Juta)	6.20	6.35	6.49
2.	Bilangan Penerima Faedah	570,265	513,323	527,343
3.	Jumlah Perbelanjaan Faedah (RM Juta)	2,468.07	2,665.16	2,948.64

*Sumber : Cawangan Aktuari dan Statistik, Pertubuhan Keselamatan Sosial*

*Nota p : Statistik sehingga 30 Disember 2016 belum diaudit  
Statistik Jan hingga Mac 2017 masih dalam penjanaaan*